

# Belia harus libatkan diri dalam kegiatan masyarakat agar tidak hidup dalam dunia sendiri

DARI usia kecil lagi, Encik Mohksin Mohd Rashid sering melihat bapanya melakukan kebaikan hampir setiap hari dalam kehidupannya.

Kebaikan yang dilakukan bapanya itu, Allahyarham Mohd Rashid Md Salleh, merupakan perkara kecil dan mudah, seperti menjaga hubungan baik dengan keluarga dan rakan serta memberi makan kepada anjing dan kucing yang terbiar.

Namun, ia meninggalkan kesan yang mendalam pada Encik Mohksin yang turut mewarisi nilai-nilai murni orang tuanya itu dalam membuat kebaikan dan melakukan kerja sukarelawan sejak usia remaja lagi.

Hari ini, Encik Mohksin, 33 tahun, dikenali sebagai penyokong bagi penglibatan belia dalam projek pembangunan masyarakat.

Beliau merupakan pengasas bersama dan ketua pegawai eksekutif (CEO) Majulah Community, sebuah badan tidak meraih keuntungan yang menjalankan projek perkhidmatan masyarakat.

Bagi Encik Mohksin, belia merupakan golongan yang begitu bertenaga dan banyak perkara boleh dilakukan untuk memanfaatkan tenaga itu dalam memperkasa mereka melakukan perkara positif dalam hidup.

“Mereka ada banyak tenaga dan jika kita tidak memanfaatkan tenaga ini dengan sebaiknya, mereka mungkin boleh melakukan perkara negatif.

“Daripada mereka meluangkan masa melaku-

kan perkara negatif, sebaliknya kami mencipta sebuah wadah yang membolehkan mereka meneroka, berkembang maju dan menyumbang kepada masyarakat,” kata beliau, yang juga naib pengerusi Masjid Alkaff Kampung Melayu.

Baru-baru ini, Encik Mohksin menerima Anugerah Inspirasi Belia Muis50 dalam majlis makan malam Anugerah Muis50.

Anugerah itu mengiktiraf individu muda yang meninggalkan kesan bermakna serta memberi inspirasi kepada belia.

Menerusi tugasnya di Majulah Community, Encik Mohksin mendekati belia untuk menggalak mereka menjadi pembawa perubahan positif dalam masyarakat.

Majulah Community melaksanakan pelbagai projek khidmat masyarakat, termasuk mendekati golongan warga emas di pusat kegiatan, mendekati belia yang berisiko keciciran, dan projek bantuan kemanusiaan di luar negara.

Ini seperti mengendalikan sebuah Pusat Rekreasi Pelajar di Sekolah Northlight dengan mentor mendekati pelajar dan melakukan kegiatan bersama mereka dan “Projek Peduli Kelantan” untuk membantu mangsa banjir di Malaysia pada 2014.

Menurutnya, badan itu mempunyai sekitar 400 relawan belia.

Mereka juga mengadakan program latihan untuk membangunkan kebolehan relawan belia itu

dan memperkukuh mereka menjadi individu yang bersedia mengharungi apa jua cabaran.

Misalnya, mereka mengadakan bengkel mengenai pengurusan projek dan pemikiran desain dan sesi perbualan mengenai isu masyarakat setiap bulan, yang mengetengahkan topik seperti kemiskinan.

“Kami tidak mahu mereka datang menyumbang tenaga tetapi tidak belajar apa-apa. Jadi renungan, latihan, pementoran, dan nasihat adalah sebahagian pengalaman ini yang kami harap belia dapat raih di samping memberi sumbangan,” kata beliau.

Malah, pembangunan diri sesuatu yang diambil berat oleh Encik Mohksin sendiri, dengan beliau melanjutkan pengajiannya dan baru-baru ini berjaya menggemang ijazah sarjana muda dalam kerja sosial dari Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Encik Mohksin berkata bahawa adalah penting bagi golongan belia terlibat dalam kerja sukarela dalam masyarakat kerana ia akan memberi mereka pelbagai faedah.

“Ia membantu mereka menangani keadaan kehidupan dengan lebih baik, pandangan hidup mereka akan lebih terbuka, rangkaian yang dibina untuk kerjaya juga akan membantu mereka.

“Namun lebih daripada itu, ia baik bagi mereka terlibat dalam masyarakat agar mereka tidak hidup dalam dunia mereka sendiri,” ujar beliau.



**SUMBANGAN DIIKTIRAF:** Encik Mohksin Mohd Rashid diberi Anugerah Inspirasi Belia Muis50 atas usahanya menyokong penglibatan belia dalam projek pembangunan masyarakat. – Foto BM oleh JONATHAN CHOO